

e-Buletin **KOPERASI**

Bil.1/2025

SINOPSIS

**SKUAD IHSAN
MADANI KUSKOP DAN SKM**
Prihatin Bantu Mangsa Banjir



**MISI SKUAD
IHSAN MADANI PERAK**

Majlis Penyerahan Cek
Cura Tanggungjawab
Sosial Korporat (CSR)
Oleh Koperasi Guru-Guru
Sekolah Malaysia Berhad



**MISI SKUAD
IHSAN MADANI SKM PRIHATIN**

SKM & Koperasi Ladang
Berhad Prihatin Komuniti
Tumpat

**SKUAD IHSAN
MADANI TERENGGANU**

SKM dan KOPER
Komited Bantu Mangsa
Banjir Terengganu



SKMPRIHATIN
Skuad ihsan
MADANI

www.skm.gov.my

DITERBITKAN OLEH
BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGGALAKAN KOPERASI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

MISI SKUAD IHSAN MADANI SKM PRIHATIN (KELANTAN)

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SKM & KKBKKB BANTU MANGSA BANJIR DI KUALA KRAI



Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kelantan bersama Koperasi Kemajuan Bersama Kuala Krai Berhad (KKBKKB) telah melaksanakan misi penyampaian barangan keperluan asas melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu mangsa banjir di kawasan Parlimen Kuala Krai. Program ini diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Peria, Cabang 3 Sungai Sok, Kuala Krai, Kelantan.

PENYAMPAIAN BANTUAN KEPADA 100 MANGSA BANJIR

Sebanyak 100 set bakul makanan telah diagihkan kepada mangsa banjir yang terkesan di kawasan Parlimen Kuala Krai.

Bantuan ini disampaikan oleh En. Hasrul Adzuan bin Hassin, Timbalan Pengarah SKM Negeri Kelantan. Turut hadir dalam majlis tersebut YBhg. Dato' Mohamed Zulkipli bin Omar, Yang Dipertua KKBKKB, En. Mohamed Sharul Nizam bin Mohamed Zulkipli, Pengerusi KKBKKB dan Pegawai SKM Negeri Kelantan dan SKM Wilayah Machang.



KOMITMEN UNTUK MERINGANKAN BEBAN MANGSA BANJIR

Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan SKM dan KKBKKB dalam membantu mangsa banjir menghadapi cabaran pasca bencana. Sumbangan yang diberikan diharapkan dapat meringankan beban mereka serta menyokong pemulihan kehidupan harian yang lebih baik khususnya buat keluarga yang rumahnya ditenggelami air.



MISI SKUAD IHSAN MADANI SKM PRIHATIN (KELANTAN)

SKM & KOPERASI PEKEBUN KECIL PASIR PUTEH
AGIH BAKUL MAKANAN UNTUK MANGSA BANJIR

PASIR PUTIH

12

**DISEMBER
2024**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kelantan dengan kerjasama Koperasi Pekebun Kecil Pasir Puteh Berhad telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu mangsa banjir yang terkesan akibat bencana yang melanda Kelantan pada penghujung November lalu. Agihan bakul makanan ini diadakan di premis Koperasi Pekebun Kecil Pasir Puteh Berhad, Pasir Puteh, Kelantan.

SOLIDARITI ANGGOTA KOPERASI

Sebanyak 100 bakul makanan telah diagihkan kepada penerima yang terdiri daripada anggota koperasi. Bantuan ini disampaikan oleh En. Hasrul Adzuan bin Hassin, Timbalan Pengarah SKM Cawangan Negeri Kelantan.

HARAPAN UNTUK PEMULIHAN PASCA BANJIR

Sumbangan berupa bakul makanan ini diharapkan dapat meringankan beban mangsa banjir khususnya anggota koperasi dan membantu proses pemulihan mangsa banjir agar kehidupan menjadi lebih baik pasca banjir. Program ini merupakan salah satu inisiatif SKM dan koperasi untuk terus memainkan peranan proaktif dalam membantu komuniti, khususnya anggota koperasi, ketika menghadapi cabaran bencana alam.



MISI SKUAD IHSAN MADANI SKM PRIHATIN (KELANTAN)

SKM & KOPERASI CAKNA OKU KELANTAN BERHAD
PRIHATIN TERHADAP ANGGOTA TERJEJAS BANJIR

PASIR PUTIH

12
DISEMBER
2024

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kelantan dengan kerjasama Koperasi Cakna OKU Kelantan Berhad telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu anggota koperasi yang terkesan akibat banjir pada penghujung November lalu.

BANTUAN ISTIMEWA UNTUK ANGGOTA OKU

Program ini memberi fokus kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam kalangan anggota koperasi. Seramai empat penerima telah menerima sumbangan berupa kerusi roda dan kasut pelbagai guna yang diubah suai mengikut keperluan individu.



Sumbangan tersebut disampaikan oleh Dr. Akram Bin Hasan, Pengarah SKM Cawangan Negeri Kelantan

MAKLUMAT PENERIMA SUMBANGAN CSR

- Muhammad Haziq Aziman** (12 tahun, Bachok)
Mengalami kemalangan pada usia 2 tahun, menyebabkan kecacatan kekal dari pinggang ke bawah.
- Zubaidah Binti Mat Jusoh** (40 tahun, Kota Bharu)
Terjatuh semasa bayi, mengalami kecacatan kekal dan tidak boleh berjalan.
- Zaliha Binti Mat Yaacob** (46 tahun, Pasir Puteh)
Mengalami kecacatan sejak lahir, tidak boleh berjalan dan menghadapi masalah penglihatan.
- Mohd Harnisalniza Bin Awang Soh** (42 tahun, Gua Musang)
Terlibat dalam kemalangan dua tahun lalu, menyebabkan kaki tidak seimbang dan masalah berjalan.

HARAPAN UNTUK MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK

Sumbangan ini bertujuan untuk meringankan beban anggota koperasi yang terjejas akibat bencana banjir, membantu proses pemulihan pasca banjir dan memastikan golongan OKU dapat menjalani kehidupan harian dengan lebih baik pasca bencana banjir. Program ini membuktikan keprihatinan SKM dan Koperasi Cakna OKU Kelantan Berhad dalam mendukung kesejahteraan anggota koperasi dan masyarakat, khususnya golongan OKU.

PERANAN KOPERASI CAKNA OKU KELANTAN BERHAD

Koperasi ini aktif menyediakan perkhidmatan modifikasi peralatan khas untuk kegunaan OKU. Sebagai contoh, kerusi roda yang diterima dalam program ini telah dimodifikasi bagi memenuhi keperluan spesifik setiap penerima.



MISI SKUAD IHSAN MADANI SKM PRIHATIN (KELANTAN)

SKM & KOPERASI LADANG BERHAD PRIHATIN
KOMUNITI TUMPAT



Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kelantan bersama Koperasi Ladang Berhad (KLB) telah melaksanakan Misi Gerakan Bantuan Banjir ke tiga kawasan dalam Parlimen Tumpat. Kawasan ini dikenal pasti sebagai antara yang paling teruk terjejas akibat bencana banjir yang melanda negeri Kelantan sejak Disember 2024.

KOMITMEN PRIHATIN MELALUI PROGRAM CSR

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dianjurkan oleh SKM Kelantan dan Koperasi Ladang Berhad, mewakili Gerakan Koperasi dalam Parlimen Tumpat. Program ini bertujuan meringankan beban mangsa banjir, menyokong komuniti di jajahan Tumpat serta memupuk solidariti dalam gerakan koperasi dan masyarakat dalam menangani impak bencana alam khususnya banjir.

KERJASAMA DAN SOLIDARITI

Bantuan ini telah disampaikan oleh Dr. Akram Bin Hasan, Pengarah SKM Cawangan Negeri Kelantan, dan Tuan Haji Mohd Damanhuri Bin Mohd Jamil, Pengerusi Koperasi Ladang Berhad. Turut hadir adalah pegawai serta kakitangan SKM Kelantan bersama Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan kakitangan Koperasi Ladang Berhad.



SEMANGAT KEPRIHATINAN GERAKAN KOPERASI

Misi ini bukan sahaja memberi sokongan kepada mangsa banjir tetapi juga memperkukuhkan semangat solidariti dalam Gerakan Koperasi Malaysia. Diharapkan, bantuan ini dapat meringankan beban komuniti terjejas dan menunjukkan kepedulian koperasi dalam membantu anggota dan masyarakat di seluruh negara. SKM dan Koperasi Ladang Berhad komited untuk terus memainkan peranan penting dalam menyokong komuniti yang terjejas akibat bencana banjir.





SKUAD IHSAN MADANI TERENGGANU:

SKM DAN KOPTER KOMITED
BANTU MANGSA BANJIR TERENGGANU

MISI PRIHATIN
Share down
MADANI

TERENGGANU

14 & 15
DISEMBER
2024

Skuad Ihsan MADANI adalah inisiatif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Terengganu dengan kerjasama Gerakan Koperasi Negeri Terengganu (KOPTER). Program selama dua hari ini mencerminkan komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu mangsa banjir di empat daerah utama yang terjejas.

MISI PRIHATIN: MENYANTUNI KOMUNITI TERJEJAS

Menerusi inisiatif ini, sejumlah 350 keluarga telah menerima bantuan berupa keperluan asas seperti makanan dan toto bernilai RM150 untuk diagihkan kepada setiap keluarga. Lokasi dan jumlah penerima di setiap daerah adalah seperti berikut:





SUKARELAWAN PRIHATIN: MENYAHUT SERUAN KERAJAAN

Program ini turut menggerakkan seramai 19 orang kakitangan SKM dan 14 koperasi yang bertindak sebagai sukarelawan banjir. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban mangsa banjir, tetapi juga menyahut seruan Kerajaan dalam mempergiatkan penglibatan penjawat awam dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai barisan sukarelawan dalam membantu mangsa banjir. Kesemua kit bantuan telah disampaikan oleh Tuan Haji Awg Rusli bin Haji Mohammad, Pengarah SKM Negeri Terengganu.

CITRA KOPERASI: DEKAT DENGAN MASYARAKAT

Melalui program ini, SKM dan koperasi bukan sahaja berperanan dalam membantu komuniti terjejas tetapi juga memperkukuhkan imej koperasi sebagai entiti yang prihatin terhadap kesejahteraan sosial.

Skuad Ihsan MADANI yang diwujudkan oleh SKM dan KOPTER di Terengganu merupakan bukti komitmen SKM dan KOPTER dalam menjadikan prinsip koperasi sebagai amalan serta menjalin hubungan erat dengan komuniti setempat sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang lebih inklusif dan harmoni.





PERAK

17

DISEMBER
2024

MAJLIS PENYERAHAN CEK CURA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) OLEH KOPERASI GURU-GURU SEKOLAH MALAYSIA BERHAD

PERAK, 17 DISEMBER 2024

Koperasi Guru-Guru Sekolah Malaysia Berhad (KGSM) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Cek Cura Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai sebahagian daripada inisiatif mereka untuk memberi sumbangan kepada masyarakat melalui 20 PIBG sekolah di Negeri Perak.

Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah SKM Negeri Perak, Puan Zuhaini Binti Romli, dengan kehadiran Encik Muslim Bin Ahmad, Pengerusi KGSM, serta Puan Azarina Binti Alias, Pegawai Pendidikan Daerah Kinta Utara.



KOMITMEN TERHADAP PRINSIP KETUJUH KOPERASI

Mengangkat prinsip ketujuh koperasi, iaitu “Prihatin Terhadap Masyarakat,” inisiatif tahunan KGSM ini telah memanfaatkan lebih daripada 100 buah sekolah di Negeri Perak.

MANFAAT DAN IMPAK PROGRAM CSR

Melalui program CSR ini, KGSM bukan sahaja memperkukuh hubungan dengan anggotanya tetapi juga meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat. Program ini berjaya:

1. Mempererat hubungan koperasi dengan komuniti pendidikan
2. Meningkatkan citra koperasi sebagai organisasi yang prihatin terhadap kesejahteraan sosial, dan
3. Mendukung pertumbuhan sosioekonomi melalui sokongan masyarakat.

KGSM terus menunjukkan komitmennya dalam membantu masyarakat sekaligus menjadikan mereka sebagai teladan dalam memupuk nilai-nilai koperasi yang mampan dan inklusif.



SKUAD IHSAN MADANI KUSKOP DAN SKM

PRIHATIN BANTU MANGSA BANJIR

KUALA LUMPUR

19
DISEMBER
2024

SKM PRIHATIN
Skuad ihsan
MADANI

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah melancarkan Skuad Ihsan MADANI SKM Prihatin untuk misi kemanusiaan membantu mangsa banjir di negeri-negeri yang terjejas seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.



STATISTIK MANGSA BANJIR TERKINI

Statistik terkini mengenai mangsa banjir di Malaysia bagi tahun 2024 menunjukkan bahawa kira-kira 235,706 orang daripada 68,868 keluarga di seluruh negara telah terjejas akibat banjir Monsun Timur Laut yang bermula pada November 2024. Jumlah ini merupakan yang tertinggi direkodkan sejak banjir besar pada tahun 2014.

Negeri Kelantan dan Terengganu merupakan kawasan yang paling teruk terjejas, dengan ribuan penduduk terpaksa dipindahkan dari kediaman mereka ke lokasi Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Sehingga Disember 2024, situasi banjir di beberapa kawasan masih berterusan. Pada 18 Disember 2024, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan menggangarkan jumlah kerugian yang dialami di Negeri Kelantan bernilai lebih RM300 juta.

USAHA PRIHATIN BENCANA

Sebanyak RM580,000 peruntukan disediakan oleh SKM untuk membantu mangsa banjir melalui agihan kit pembersihan kediaman dan bakul makanan. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan beban mangsa banjir di beberapa negeri yang terjejas.

FOKUS NEGERI KELANTAN

Kelantan menerima peruntukan tertinggi sebanyak RM200,000, membantu lebih 2,000 ketua isi rumah (KIR). Secara keseluruhan, bantuan ini dijangka memanfaatkan 5,800 KIR di seluruh negara.





KOMITMEN BANTUAN KEMANUSIAAN

Dalam majlis ini, turut hadir adalah pegawai-pegawai tinggi KUSKOP dan SKM termasuk Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, dan Pengerusi SKM, YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal(B).



Skuad Ihsan MADANI SKM Prihatin melambangkan komitmen KUSKOP dan SKM bukan sahaja dalam pembangunan koperasi dan usahawan tetapi juga prihatin dalam membantu meringankan beban rakyat yang sedang mengharungi ujian bencana banjir sepanjang musim tengkujuh.



MISI SKUAD IHSAN MADANI SKM PRIHATIN (KELANTAN)

SKUAD IHSAN MADANI SANTUNI MANGSA BANJIR KELANTAN

PASIR MAS

20
DISEMBER
2024

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kelantan dengan kerjasama Skuad Ihsan Madani Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah melaksanakan Program CSR Bantuan Pasca Banjir di Kampung Banggol Chica, Pasir Mas, Kelantan.



INISIATIF PASCA BANJIR UNTUK KOMUNITI TERJEJAS

Program ini adalah sebahagian daripada usaha bersama SKM dan Pejabat Perdana Menteri untuk menyantuni mangsa banjir yang terkesan akibat bencana yang melanda Kelantan pada awal Disember 2024. Agihan sumbangan diberikan kepada 300 ketua isi rumah (KIR) yang terjejas, bertujuan membantu meringankan beban mereka dalam tempoh pemulihan pasca banjir.



PENYAMPAIAN BANTUAN

Sumbangan disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Khairus Masnan Bin Abdul Khalid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Pejabat Perdana Menteri, Tuan Haji Jasri Bin Kasim, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPP) dan Dr. Akram Bin Hasan, Pengarah SKM Cawangan Negeri Kelantan.

Bentuk bantuan yang disalurkan kepada mangsa banjir adalah terdiri daripada bakul makanan yang disumbangkan oleh SKM. Manakala, barangan keperluan harian pula adalah sumbangan daripada Pejabat Perdana Menteri.



HARAPAN DAN IMPAK PROGRAM

Program ini diharapkan dapat memberikan sokongan kepada mangsa banjir dalam memulihkan kehidupan seharian mereka. Ia juga mencerminkan komitmen SKM dan Skuad Ihsan Madani JPM dalam membantu komuniti yang terjejas akibat bencana. Melalui usaha ini, solidariti antara agensi kerajaan dan koperasi terus diperkukuh, menjadikan kebajikan masyarakat sebagai keutamaan.